

Penilaian calon UPSR 2017 kini lebih holistik menerusi pelaksanaan PPSR

Calon dapat semua A meningkat

KOS MO 24/06/2017 M15 12

Oleh JUNHAIRI ALYASA

PUTRAJAYA - Prestasi calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2017 yang mendapat semua A dalam mata pelajaran tahun ini meningkat hampir sekali ganda kepada 8,958 calon berbanding 4,896 orang pada 2016.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Amin Senin berkata, seramai 443,794 calon menduduki UPSR tahun ini dan daripada jumlah itu, 433,536 orang merupakan calon sekolah Kementerian Pendidikan manakala sekolah swasta seramai 10,258 orang.

Bagaimanapun, menurutnya, Kementerian Pendidikan telah mengambil pendekatan berbeza pada tahun ini menerusi Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR) yang lebih menyeluruh serta tidak lagi memberi fokus kepada keputusan UPSR semata-mata.

"Keputusan PPSR yang meliputi empat komponen penting dalam menilai perkembangan, penglibatan murid tahun enam pada 2017 telah menunjukkan pencapaian yang baik.

"Empat komponen itu merangkumi UPSR, Pentaksiran Bilik Darjah, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum serta Pentaksiran Psikometrik," katanya pada sidang akhbar selepas memben-



SEBAHAGIAN calon UPSR 2017 melompat kegembiraan selepas menerima keputusan UPSR di Sekolah Kebangsaan Bandar Uda 2, Johor Bahru semalam.

tangan PPSR buat pertama kalinya di sini semalam.

Amin memberitahu, pelaksanaan PPSR bertujuan melihat keunikan setiap murid dan mengembangkan potensi mereka mengikut pelaporan masing-masing.

"Kebiasaan kita menilai seseorang itu dalam satu dimensi sahaja tetapi sekarang ada tiga lagi komponen selain UPSR.

"Secara keseluruhannya berdasarkan keputusan PPSR ini, boleh kita katakan ia baik dan masih ada ruang penambahbaikan dalam setiap komponen," ujarnya.



AMIN menunjukkan Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2017 pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.

Risiko obes murid sekolah membimbangkan

PUTRAJAYA - Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR) 2017 yang diumumkan semalam menimbulkan kebimbangan terhadap risiko obesiti dalam kalangan murid tahun enam apabila seramai 58,294 daripada mereka merekodkan Indeks Jisim Badan (BMI) berlebihan.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Amin Senin berkata, seramai 56,584 murid pula dikategorikan sebagai berisiko berat badan berlebihan di bawah Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK).

Katanya, isu itu perlu ditangani secara serius memandangkan angka itu adalah petunjuk yang boleh digunakan untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera pada masa akan datang.

"Obesiti bukan masalah sekolah, tetapi masalah masyarakat. Sebab itu kita harus tangani secara bersama," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Amin memberitahu, berdasarkan ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia di bawah PAJSK yang dilaksanakan pada Mac dan Ogos lalu pula menunjukkan 27,031 murid berada pada tahap kurang cergas dan 3,644 murid didapati tidak cergas.

PPSR dilaksanakan merangkumi empat komponen utama iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Bilik Darjah, PAJSK serta Pentaksiran Psikometrik.